

KSN ketua senarai penerima pingat

BH- 2/6/2007.

2,309 dianugerah darjah kebesaran, bintang sempena hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan mendahului senarai 2,309 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin, hari ini.

Beliau menerima darjah Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri.

Turut menerima PMN ialah Presiden Bank Pembangunan Islam (IDB), Dr Ahmad Mohamed Ali Al-Madani; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Seramai 38 orang dianugerahkan darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang juga membawa gelaran Tan Sri, 64 lagi menerima Panglima Jasa Negara (PJN) manakala dua menerima Panglima Setia Diraja (PSD), kedua-duanya membawa gelaran Datuk.

Allahyarham Konstabel Mohd Farkaruddin Zakaria yang maut ditikam ketika cuba menangkap seorang lelaki dalam rondaan mencegah jenayah di Semenyih, Selangor pada September lalu, dianugerah darjah Panglima Gagah Berani (PGB), antara anugerah keberanian tertinggi negara.

Antara penerima PSM ialah bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar; bekas Menteri Penerangan, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Presiden Parti Kemajuan India Semalaysia (IPF), Datuk MG Pandithan; seniman Datuk Jins Samsudin; dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Seri Richard Malanjum.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali; Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Muhammad Ismail Jamaluddin; Panglima Tentera Udara Jen Datuk Seri Azizan Ariffin; Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Dr Zulkurnain Awang, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Rastam Mohd Isa.


Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datuk Amar Abdul Aziz Hussain; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Akreditasi Negara, Prof



Abdul Rahman Sulaiman



Mohd Najib Abdul Aziz



Ismee Ismail



Francis Lau



Mohamed Mansor Fateh Din

Datuk Dr Mohamed Salleh Mohamed Yasin; Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Datuk Mohd Zulkifli Mohd Ghazali; Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Datuk Nordin Kardi dan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mohd Najib Abdul Aziz.

Tokoh korporat yang menerima PSM pula ialah Presiden Mangium Industries Bhd, Datuk Robert Phang Miow Sin; Datuk Mohd Ariffin Mohd Yusof dari Primabumi Sdn Bhd; Pengerusi Concorde Hotel & Resorts Sdn Bhd, Datuk Syed Mohd Yusof Syed Nasir; Pengerusi Eksekutif Kumpulan Glomac Bhd, Datuk Mohamed Mansor Fateh Din dan Pengerusi Eksekutif Top Glove Group, Datuk Seri Lim Wee Chai.

Bekas Naib Canselor Universiti Terbuka Wawasan, Datuk Emeritus Prof Dr Gajaraj Dhanarajan; Pengerusi NasionCom Holdings Bhd, Datuk Seri Mohamad Noor Abdul Rahim; Presiden Persekutuan Persatuan Cina Malaysia, Datuk Seri Lim Gait Tong; bekas Panglima Tentera Laut, Datuk K Thanabalasingam dan Pengarah Urusan Royal Selangor International, Datuk Yong Poh Kon.

Usahawan Datuk Paduka Chai Yu Lan; Konsul Kehormat Portugal, Datuk Eugenio Campos Antonio Da Luz Campos; Pesuruhjaya Suhakam, Datuk Asiah Abu Samah; Presiden Persekutuan Persatuan Penternak-Penternak Malaysia, Datuk Francis Lau

Tuang Nguang; Presiden Malaysian Chinese Seven Clan Association, Datuk Tong Yoke Kim; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Siemens Malaysia, Rainer Althoff.

Tokoh politik yang menerima PSM pula terdiri daripada Pengerusi MIC Perak Datuk K Kumaran, Datuk Wira Ahmad Nordin Md Amin dari Umno Melaka, anggota Lembaga Disiplin Umno Pusat Datuk Abu Zahar Ujang, Pengerusi Kelab Umno Perak Datuk Tajudin Ali, bekas pengerusi Wanita MCA Kebangsaan Datin Paduka Chow Poh Kheng, anggota jawatankuasa pusat Gerakan Datuk Dr Chin Fook Weng dan Penasihat Ekonomi Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk Dr Ninian Mogan Lournadin.

Sementara itu, seramai 64 orang yang menerima PJN yang membawa gelaran Datuk ialah Pengarah Urusan Malaysia Airlines, Idris Jala; Dutabesar Malaysia ke Washington, Datin Paduka Dr Rajmah Hussain; Penasihat Komunikasi, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Abdul Rahman Sulaiman; pelakon veteran Aziz Satar dan Ketua Pentadbir Bangunan Parlimen, Kamaruddin Mohamed Baria.

Peguam Cara Negara Datuk Idrus Harun, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Zulkifli A Hassan; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Suboh Mohd Yassin; Ketua Setiausaha Kementerian Ke-

majuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Jamaliah Kamis; Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Zakiah Ahmad.

Pakar Dermatologi Hospital Kuala Lumpur, Dr Suraiya Hani Tun Hussein; Pakar Perunding Kanan Hospital Putrajaya, Dr Noor Hisham Abdullah; Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Ahmad Fuad Abd Aziz; Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Ismee Ismail; Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman; Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin; Pengarah Perancangan Strategik, Datuk Dr Mohd Ghazali Md Noor; Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali, Datuk Kamaruzaman Che Mat, Hong Lee Pee, Marimuthu a/l Nadason, Presiden FOMCA Suslita Abdul Majid.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Prof Emeritus Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem; Pengurus Besar De Palma Hotel, Mohd Ilyas Zainol Abidin; Doktor Pakar Perunding, Dr Abd Aziz Yahya, Datin Noorhayati Kamaluddin, Syed Abdull Hafiz Syed Abu Bakar.

Allahyarham Abu Bakar Abdul Karim, Abd Malek Munip; Datuk Suhaidi Sulaiman; Abdullah Karim; Nasarudin Md Idris; Chua Teck Hwee; Mohamad Danel @ Bujang Abong dari Global Upline Sdn Bhd; Suhaimi Mohd Zain.

Bekas Konsul Kehormat Malaysia di Syria, Samir Alkour; James Chao Yuan Hsiu, Pengarah Urusan/Naib Presiden Western Digital Malaysia Sdn Bhd; Donald Eugene Blake, Wakil Residen Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia; Dr Richard Leete, Panglima Medan Tentera Darat Letenan Jeneral, Datuk Masood Zainal Abidin.

Asisten Ketua Staf Angkatan Tentera Malaysia Laksamana Muda, Datuk Abdul Aziz Haji Jaafar; bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai; Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Christopher Wan Soo Kee; Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Datuk Mohd Amir Sulaiman; Naib Presiden PPP, A Sabapathy; Naib Presiden PPP, Lee Heng; Penasihat Kewangan PPP Datuk Mohamad Ashfar Mohamad Ali; Bendahari Agung Umno pusat, Datuk Abd Azim Datuk Mohd Zabidi.

Pengerusi Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) Senator Hii Tiong Kuoh; Penolong Setiausaha Publisiti SUPP Dr Soon Choon Teck; Naib Pe-

nggerusi Gerakan K Sabaratnam, Timbalan Presiden Pertubuhan Pasok-momogum Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Datuk Seri Wilfred Bumburing; Anggota Majlis UPKO Victor Emmanuel @ T V E Majanil; anggota Parti Bersatu Sabah Bridget Anne Chin Hun Yee; Ketua Pemuda Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) Datuk Seri Tiong King Sing; Setiausaha Agung MIC Dr S Subramaniam; anggota seumur hidup MCA Yong Ming Sang @ Yeoh Beng Sang.

Anggota Jawatankuasa Wanita MCA Ooi Saw Choo; anggota Jawatankuasa Umno Johor Abdullah Shikh Mohamed; anggota Jawatankuasa Umno Kangar Tajudin Ismail; Ketua Bahagian Umno Larut Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar; Naib Ketua Umno Bahagian Pagoh Samat Aripin; Timbalan Ketua Umno bahagian Kalabakan Datuk Dr Patawari Haji Patawe.

Dua orang penerima darjah PSD yang juga membawa gelaran Datuk ialah Ketua Protokol Kementerian Luar Datuk Zakaria Sulong dan Panglima 12 Briged Brig Jen Datuk Mat Yasin Mat Daud.

Antara yang menerima Kesastria Mangku Negara (KMN) ialah penyanyi tahun 60-an Jefrydeen dan jurulatih bola keranjang kebangsaan Tan See Wah.

(Senarai penuh penerima anugerah boleh diperoleh di www.bernama.com). - Bernama